

## Teknologi TPM bantu nelayan

Utusan Borneo

27 November 2018

A10/Utusan Borneo Selasa, 27 November 2018

# Teknologi TPM bantu nelayan

► Kabin pengeringan tingkat hasil dan pendapatan golongan nelayan

Oleh KENNEDY CORLEUS

**PAPAR:** Masyarakat nelayan di Kampung Mandahan, di sini, dijangka menerima rangsangan ekonomi dan pembangunan kapasiti menerusi pelaksanaan projek kabin pengeringan yang dilaksanakan oleh Technology Park Malaysia (TPM) Corporation Sdn Bhd.

Projek kabin pengeringan merupakan sebahagian daripada beberapa projek pembangunan kapasiti dan keterampilan kewangan yang digerakkan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Program Pemerkasaan Komuniti (CEP).

Melalui inisiatif TPM, ia menyasarkan untuk meningkatkan produktiviti ekonomi komuniti, sekaligus meningkatkan pendapatan isi rumah komuniti.

Demikian memastikan projek terbabit mencapai objektifnya, komuniti yang terlibat akan terus dibimbing menerusi dua aspek pembangunan kapasiti.

Komuniti yang terlibat akan dibimbing menerusi aplikasi teknologi inovasi

“Hasil kajian menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan masyarakat di dua komuniti iaitu di Papar, Sabah dan Kemanan, Terengganu dapat dilaksanakan jika intervensi teknologi dan inovasi dalam membantu rantaian nilai penguasaan hasil diperkenalkan.”

**ZULKIFLI FITRI ISMAIL**

Naib Presiden Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Hal Ehsa' Korporat Kumpulan TPM



**ZULKIFLI** (kiri) menunjukkan bilis yang dikeringkan dalam kabin pengering.

TPM serta diberi bimbingan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam aspek pengurusan kewangan secara efisien bagi meningkatkan pendapatan golongan terlibat.

Naib Presiden Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Hal Ehsa' Korporat Kumpulan TPM Zulkifli Fitri Ismail berkata gabungan strategik antara institusi-institusi kewangan dengan keupayaan inovasi sosial TPM telah menyediakan saluran bagi pemberdayaan taraf ekonomi komuniti segmen berpendapatan rendah melalui suntikan teknologi.

Beliu berkata sebelum melaksanakan projek kabin pengeringan di Papar, satu kajian kebolehlaksanaan telah dijalankan untuk memastikan keperluan komuniti dan kekadang penyelesaiannya yang inovatif dapat dipadankan.

“Hasil kajian menunjukkan keperluan untuk memastikan kesejahteraan ekonomi dan masyarakat di dua komuniti iaitu di Papar, Sabah dan Kemanan, Terengganu dapat dilaksanakan jika intervensi teknologi dan inovasi dalam membantu rantaian nilai penguasaan hasil diperkenalkan.”

“Dari segi faedah, pusat pengeringan dijangka mempercepatkan tempoh pengeringan ikan bilis dari 70 jam hingga empat jam, sementara pengeringan ikan akan mengurangkan kepada tujuh jam.

“Dalam masa yang sama, tiada lagi kebimbangan terhadap hujan semasa musim tengkujuh, isu kebersihan dan jaminan keselamatan hasil keluaran,” katanya.

Berbanding proses tradisional tambahnya, kabin pengeringan membolehkan nelayan menikmati kualiti



**ZULKIFLI** (tengah) menyerahkan kunci sebagai gimik penyerahan kabin.

ikan dan ikan bilis yang lebih tinggi. Ia juga menawarkan kapasiti lebih besar sehingga 500 kilogram (kg), atau setengah tan ikan bilis yang dikeringkan pada satu-satu masa.

Beliu berkata impak menggunakan kabin pengeringan akan membolehkan setiap nelayan meningkatkan purata pendapatan bulannya dari RM400 kepada RM1,200, iaitu tiga kali ganda berbanding kaedah tradisional.

“Selain itu, nelayan akan menikmati aliran pendapatan yang berterusan walaupun semasa musim hujan. Dengan peningkatan pendapatan dan pengurusan kewangan secara inklusif, ia membolehkan komuniti nelayan yang berpendapatan rendah ini akses kepada perkhidmatan perbankan dan pembiayaan yang akhirnya membantu membesmi kemiskinan serta

meningkatkan taraf hidup mereka ke tahap yang lebih memuaskan,” katanya.

Dalam pada itu, Zulkifli berkata usaha itu adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan komuniti dengan pendekatan tersasar melalui bantuan secara holistik oleh pelbagai agensi.

Menurut beliau, TPM sentiasa berada dalam kedudukan yang relevan untuk bekerjasama atau membantu agensi lain dalam inisiatif memperkasakan komuniti melalui penggunaan teknologi, inovasi dan automasi proses pengeluaran bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan isi rumah komuniti.

“TPM akan terus beriltizam menjayakan Program Pemerkasaan Komuniti. Sehubungan itu, TPM mempelawa agensi-agensi kerajaan, sektor swasta atau badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk bekerjasama dengan TPM bagi melaksanakan program pemerkasaan komuniti

dengan menggunakan pendekatan intervensi teknologi dan inovasi.

“Kerjasama dengan institusi-institusi kewangan pula menjadikan Program Pemerkasaan Ekonomi sebagai satu program pemerkasaan kewangan secara holistik di mana ahli komuniti akan dibimbing dalam aspek simpanan, pelaburan dan jaminan kewangan masa depan melalui peningkatan akses kepada perkhidmatan kewangan secara mampan.

“Ia adalah selaras dengan Teras Kedua Kajian Separuh Penggal RMK11 iaitu meningkatkan kuasa beli rakyat dan jaminan perkongsian kemakmuran dalam kalangan semua rakyat Malaysia,” katanya.

Wakil dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta Bank Simpanan Nasional (BSN) turut hadir dalam program itu bagi berkongsi dan menyebarkan maklumat berkaitan perkhidmatan dan literasi kewangan.

